

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad  
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

## 1 Apakah Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang?

Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang memberikan pampasan bagi mana-mana kecederaan anggota badan, kecacatan atau kematian yang disebabkan secara langsung oleh perlakuan ganas yang tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat kepada pemandu dan/atau penumpang semasa memandu atau menunggang, menaiki atau turun daripada kenderaan yang dinamakan dalam polisi.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM162.00** setahun (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima perlindungan Pelan C berikut:

Anggaran premium: Jumlah diinsuranskan RM45,000, Kereta Persendirian, pemandu dan sehingga 3 penumpang.

Polisi ini melindungi:

Oris ini memandu.

| Faedah-Faedah <sup>1</sup> |                                         | Pelan A (RM)                                                     | Pelan A1 (RM)   | Pelan B (RM) | Pelan C* (RM) | Pelan D (RM) | Pelan E (RM)    | Pelan E1 (C Permit) (RM) | Pelan F (A & C Permit) (RM) |
|----------------------------|-----------------------------------------|------------------------------------------------------------------|-----------------|--------------|---------------|--------------|-----------------|--------------------------|-----------------------------|
| A                          | Kematian akibat kemalangan              | 15,000                                                           | 22,500          | 30,000       | 45,000        | 60,000       | 75,000          | 90,000                   | 180,000                     |
| B                          | Hilang upaya kekal                      | 15,000                                                           | 22,500          | 30,000       | 45,000        | 60,000       | 75,000          | 90,000                   | 180,000                     |
| C                          | Perbelanjaan perubatan                  | 500                                                              | 750             | 1,000        | 1,500         | 2,000        | 2,500           | 3,000                    | 6,000                       |
| D                          | Pembedahan pembetulan gigi dan kosmetik | 1,000                                                            | 1,000           | 1,000        | 1,000         | 1,000        | 1,000           | 1,000                    | 1,000                       |
| E                          | Elaun pengebumian                       | 500                                                              | 500             | 500          | 500           | 500          | 500             | 500                      | 500                         |
| Jenis                      | Muatan tempat duduk                     | Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem) |                 |              |               |              |                 |                          |                             |
| Kenderaan Persendirian     |                                         |                                                                  |                 |              |               |              |                 |                          |                             |
| Kereta / Van Persendirian  | Pemandu & sehingga 3 penumpang          | 50                                                               | 75              | 100          | 150           | 200          | 250             | Tidak berkenaan          |                             |
|                            | Pemandu & sehingga 4 penumpang          | 60                                                               | 90              | 120          | 180           | 240          | 300             |                          |                             |
|                            | Setiap tambahan penumpang               | 8                                                                | 12              | 16           | 24            | 32           | 40              |                          |                             |
| Kenderaan Perdagangan      |                                         |                                                                  |                 |              |               |              |                 |                          |                             |
| Jenis Khas                 | Pemandu sahaja                          | 60                                                               | 90              | 120          | 180           | 240          | 300             | Tidak berkenaan          |                             |
| Permit "A" & Permit "C"    | Pemandu & pembantu sahaja               | 100                                                              | 150             | 200          | 300           | 400          | Tidak berkenaan | 600                      | 1,200                       |
|                            | Setiap tambahan penumpang               | 20                                                               | 30              | 40           | 60            | 80           |                 | 120                      | 240                         |
| Van Kilang                 | Pemandu & sehingga 4 penumpang          | 100                                                              | 150             | 200          | 300           | 400          |                 | Tidak berkenaan          |                             |
|                            | Setiap tambahan penumpang               | 10                                                               | 15              | 20           | 30            | 40           |                 |                          |                             |
| Teksi                      | Pemandu & sehingga 4 penumpang          | 100                                                              | 150             | 200          | 300           | 400          |                 |                          |                             |
|                            | Setiap tambahan penumpang               | 10                                                               | 15              | 20           | 30            | 40           |                 |                          |                             |
| Bas                        | Pemandu sahaja                          | 55                                                               | Tidak berkenaan |              |               |              |                 |                          |                             |
|                            | Setiap penumpang termasuk pembantu      | 48                                                               |                 |              |               |              |                 |                          |                             |

<sup>1</sup> Had faedah adalah untuk setiap orang.

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di  
1 800 88 3833



Layari kami di  
[www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)



Emel kami di  
[customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)



Imbas kod  
QR di atas

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Keadaan dan penyakit pra-wujud dan sebarang bentuk penyakit;
- Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik.;
- Ketika kenderaan tersebut digunakan untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang atau sebagai pengangkut tidak berlesen;
- Bunuh diri dan sebarang bentuk percubaan bunuh diri;
- Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada.
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC).
- Keganasan.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

**Untuk Pemandu dan Penumpang PA Pelan C ini, anda perlu membayar premium berikut:**

|                                                        |                                         |
|--------------------------------------------------------|-----------------------------------------|
| Perlindungan Asas                                      | RM150.00 (setiap tahun)                 |
| (+) Perlindungan Tambahan                              | Tidak berkenaan                         |
| <b>Premium Kasar</b>                                   | <b>RM150.00</b>                         |
| <b>Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</b> |                                         |
| (+) 8% Cukai Perkhidmatan                              | RM12.00                                 |
| (+) Duti Setem                                         | Tidak berkenaan                         |
| <b>Jumlah Premium Perlu Dibayar</b>                    | <b>RM162.00</b>                         |
| <b>Dimana ini termasuk:</b>                            |                                         |
| Komisen                                                | 10% daripada Premium Kasar atau RM15.00 |

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

### 4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.
- Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.
- Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.
- Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.
- Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Kelayakan –
  - i) Pemilik kenderaan persendirian / kenderaan perdagangan yang berumur tujuh belas (17) tahun
  - ii) Pihak Diinsuranskan yang berumur tujuh belas (17) tahun dan ke atas tetapi di bawah umur lapan belas (18) tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli polisi insurans ini.
  - iii) Umur penunggang berumur tiga (3) tahun sehingga sembilan puluh (90) tahun adalah dilindungi.
- Pemandu mestilah memegang lesen memandu yang sah dan had wilayah yang dilindungi adalah Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, bagi Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan) dan B (Hilang Upaya Kekal) perlindungan diperluaskan kepada Pihak Yang Diinsuranskan sehingga dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia tidak mengambil kira sama ada dia berada di dalam kenderaan yang dinamakan ataupun tidak.
- Peruntukan khas –
  - i) Di dalam keadaan dimana bilangan sebenar penumpang melebihi nombor yang dinyatakan di dalam jadual polisi, had liabiliti Syarikat bagi setiap orang akan dikurangkan dengan nisbah jumlah sebenar penumpang yang diisytiharkan. Tiada had dikenakan kepada pemandu.
  - ii) Penumpang berumur di antara tiga (3) tahun sehingga lima belas (15) tahun berhak mendapat 50% bagi semua faedah yang relevan.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

### ? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika premium minima dibayar atau tuntutan telah dibuat pada polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.